



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Norsuhaida binti Sabtu

Jabatan /
Bahagian : Komersil / MEDIA

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : HELLO

Tempat
terbitan : No.19, Jalan 6/10, Blok 6, Bandar Tasik Puteri, 48020
Rawang, Selangor.

Penerbit : Prolog Media (002398089-D)

Jumlah muka
surat : 342

Tahun terbitan : 2016

Sasaran umur
pembaca : 16 tahun ke atas

Komen fizikal : e-book (PNM e-Reader apps)

Positif : Penceritaan jalan cerita yang tenang

Negatif : Terlalu kayangan

Kelebihan : Perlu menggunakan imaginasi yang tinggi

Luahan rasa : Kesemuanya okay, sesuai dibaca golongan remaja sebab ianya mudah dan senang difahami. Semua yang berlaku dipantau oleh ayahnya, keselamatan terjamin dan dilindungi.

Ulasan : Buku berkenaan dengan Tiya yang ada anxiety kerana peristiwa pengeboman yang pernah dialaminya semasa bercuti Bersama keluarga. Bekerja sebagai penulis buku kerana tidak mahu berjumpa dengan orang sekeliling, suka meyendiri.

Secara tidak sengaja tertukar telephone di café Bersama Duta. Bermula perkenalan Tiya dan Duta semua melalui telefon bimbit yang telah tertukar. Berbalas whatsapp dan memuat naik status di Instagram, membantu Duta apabila Tiya tersalah hantar pesanan whatsapp kepada mama Duta lalu bersetuju keluarga Duta dating berkenalan dengan keluarga Tiya.

Tiya ingin memulangkan telefon bimbit yang tertukar sehingga mendorong Tiya bercuti ke Holland dan menunjukkan pada keluarganya dia tidak lagi takut dan boleh mengembara sendiri. Dengan senang papa Tiya membenarkan Tiya travel seorang diri, Duta telah menelfon meminta kebenaran. Pergi ke Belanda untuk research novel baru.

Beg tertinggal di airport, terpaksa beli baju di bandar Steenwijk, di timur belanda. Semasa bercuti, Abg Man telah menghantar rombongan meminang keluarga Tiya. Tiya membaca email di saat akhir dan terlepas untuk memberitahu keluarganya tentang perkara itu. Tiya terima lamaran dan dalam masa 5 bulan Tiya akan berkahwin dengan Abang Man.

Bercuti dengan Duta, Duta bawa berjalan sekitar juga jadual perjalanan selalu diubaholeh Duta. Secara tiba-tiba Duta bersikap pelik, seperti akan berlaku sesuatu dan papa Tiya mengarahkan Tiya untuk mengikut cakap Duta. Duta akan menjaya Tiya sepanjang masa ketika bercuti.

Kod 308, kod rahsia Tiya satu keluarga, kod melibatkan urusan papa Tiya. Duta berkait rapat dan mengenali papa Tiya. Kod 308 bermaksud pelindung. Duta ditugaskan melindungi Tiya. Papa Tiya bukan sebarang polis tapi special team force. Special team bahagian intelligence menjaga atau melindungi mereka-mereka yang ada kuasa luar biasa macam mind reader. Tiya dan Duta terpaksa ke Safe house kerana ada rahsia yang telah bocor.

Semua telah dirancang oleh Duta dan bapa Tiya dari penukaran telefon untuk menyimpan maklumat rahsia sehingga Tiya ke Belanda melancong. Duta telah mengaku terjatuh suka pada tiya dan menerangkan segala-galanya pada Tiya. Duta dan Tiya telah di ambush di Safe house, keadaan menjadi kelim kabut.

Tiya tersedar tetapi di hospital di Malaysia. Tiada kabar berita tentang Duta. Mama tiya bergaduh besar dengan papa Tiya. Tiya memutuskan tidak mahu berkahwin dengan abg man seminggu sebelum majlis. Duta telah bersara dari Special Force dah telah melawat Tiya pada majlis kahwin yang diganti dengan Majlis doa selamat. Mereka akhirnya berkahwin.

Terima kasih ☺ Sambungan novel 'Jika Aku'

Gambar Buku

